



EXCO Belia, Sukan dan Keusahawanan Selangor, Mohd Najwan Halimi (tujuh dari kiri) diiringi Datuk Bandar Shah Alam, Cheremi Tarman (tujuh dari kanan) bersama sebahagian peniaga yang menerima kit Bazar Ramadan pada Majlis Penyerahan Permit dan Kit Bazar Ramadan MBSA di Pusat Konvensyen MBSA. - Gambar NSTP/FAIZ ANUAR

PERMIT BAZAR RAMADAN DI SELANGOR DITAMBAH

16,693 lot niaga dibuka di 264 lokasi

Oleh Ruwaida Md Zain
am@hmetro.com.my

Shah Alam

Sebanyak 264 lokasi bazar Ramadan membabitkan 16,693 lot niaga akan beroperasi di seluruh Selangor tahun ini.

Exco Belia, Sukan dan Keusahawanan, Mohd Najwan Halimi berkata, kemungkinan ada pertambahan dalam jumlah itu dalam masa terdekat.

"Jumlah permit yang dikeluarkan bertambah berbanding tahun lalu. In-sya-Allah dalam tempoh beberapa hari ini mungkin ada pertambahan.

"Ini bergantung kepada kesesuaian pihak berkuasa tempatan (PBT) di daerah masing-masing.

"Di Shah Alam sahaja, sebanyak 39 tapak bazar Ramadan dengan membabitkan 2,268 lot niaga bazar Ramadan yang dipecahkan mengikut zon," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang media selepas menyempurnakan Majlis Penyerahan Permit dan Kit Bazar Ramadan 2025 di Pusat Konvensyen Majlis Bandaraya Shah Alam di sini, semalam.

Pada majlis sama, beliau turut menyaksikan Majlis



MOHD Najwan (dua dari kiri) menyerahkan plak permit kepada seorang peniaga.

Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) di antara MBSA dengan Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI Selangor dalam usaha membantu usahawan di Selangor.

"Salah satu pengisian kerjasama ini dalam bazar Ramadan untuk peniaga mempromosikan konsep pembayaran dalam talian dan menggerakkan usahawan menggunakan teknik digitalisasi untuk jualan mereka.

"Peniaga dan penjaja di-

galkan bergerak ke arah pembayaran tanpa tunai...setiap penjaja digalakkan menyediakan kod QR di gerai mereka nanti," katanya.

Dalam pada itu beliau turut mengulas ketika ditanya sama ada akan mengambil tindakan sama seperti Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sekiranya penjaja bazar Ramadan Selangor menyewakan kepada pihak lain

"Kalau di Selangor, ini bidang kuasa PBT...memang ada peraturan dan juga proses yang mana mereka yang mendapat per-

mit perlu menjalankan operasi atas nama pemilik permit.

"Sekiranya ada kes, kita akan mengambil tindakan sewajarnya. Pada masa ke semasa pihak PBT Selangor akan turun ke bazar Ramadan untuk memantau, melihat, menyemak penjaja ini.

"Sekiranya ada aduan salah guna permit, tindakan akan diambil kepada mereka. Tahun lalu tiada kes, peniaga penjaja menghormati mematuhi peraturan ditetapkan oleh PBT," katanya.